

Penghuni, Keluarga, Rakan dan Sukarelawan yang dihormati,

Keselamatan penghuni sentiasa menjadi keutamaan kami. COVID-19 adalah jangkitan yang mungkin merebak dengan cepat di rumah penjagaan. Oleh kerana penghuni di fasiliti kami adalah warga emas, risiko jangkitan yang menyebabkan sakit tenat adalah sangat tinggi. Kita sedia maklum bahawa pelawat adalah orang yang paling berkemungkinan besar memperkenalkan virus yang menyebabkan COVID-19 di pusat penjagaan.

Untuk melindungi penghuni kami, kita perlu mengikuti langkah-langkah berikut:

1. Hadkan SEMUA lawatan

Tidak ada lawatan yang dibenarkan Seperti garis panduan oleh Kementerian Kesihatan, ini perlu untuk melindungi penghuni yang sangat kami hargai. Kami memperkenalkan kaedah lawatan alternatif (seperti Whatsapp Video atau Skype) supaya anda dapat terus berkomunikasi dengan orang tersayang. Anda masih boleh menyampaikan makanan dan barangan kepada orang tersayang. Kami mempunyai prosedur yang perlu diikuti untuk melakukan ini. Sila lihat garis panduan tambahan untuk diikuti bagi mengelakkan pencemaran barang/makanan yang dihantar.

Dalam keadaan yang tertentu, kami akan membenarkan pelawat masuk di atas dasar belas kasihan. Pelawat ini akan disaring untuk risiko COVID-19, demam dan gejala lain. Anda perlu menandatangani perisytiharan dan kami perlu menyimpan maklumat perhubungan anda. Pelawat yang dibenarkan masuk akan dihadkan di satu kawasan, dihadkan tempoh masa lawatan di dalam bangunan dan perlu mencuci tangan dengan kerap. Bilangan maksimum yang dibenarkan adalah satu orang bagi setiap penghuni.

2. Pemantaun kesihatan kakitangan dan penghuni

Individu yang tiada kepentingan dan sukarelawan kini dihadkan daripada memasuki fasiliti ini. Semua penjaga dipantau dengan aktif untuk demam dan gejala penyakit. Mereka yang sakit harus tinggal di rumah. Mereka mesti membersihkan tangan dengan kerap.

Kami memeriksa penghuni setiap hari untuk demam dan gejala penyakit. Sesiapa yang tidak sihat akan dikenalpasti dengan segera dan kami akan melaksanakan langkah pencegahan tambahan daripada jangkitan atau memindahkan mereka ke hospital.

3. Hadkan aktiviti

Semua aktiviti berkumpulan dan acara komuniti dibatalkan. Kami akan membantu mereka mengamalkan jarak sosial, mengelakkan makan bersama dan kerap membersihkan tangan mereka.

Sila lawati laman web Kementerian Kesihatan mengenai maklumat terkini dan maklumat mengenai COVID-19 untuk melindungi kesihatan anda:

<http://www.moh.gov.my/index.php/pages/view/2019-ncov-wuhan>

Terima kasih atas keprihatinan anda, dan kami berharap kita boleh bekerjasama untuk memastikan orang yang anda sayangi selamat. Kami akan memaklumkan kepada anda sekiranya terdapat maklumat tentang situasi terkini.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Yang benar,